

Globalisasi perlu manfaatkan semua pihak: PM

BH 12 JUN 2002

Daripada Khaidir
Abdul Majid

GENEVA, Selasa - Globalisasi, konsep dunia tanpa sempadan yang dicanangkan dunia sekarang, perlu memberi manfaat kepada semua, bukan saja golongan tertentu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Globalisasi perlu untuk semua. Kapitalis, pekerja dan kerajaan perlu mendapat manfaat daripadanya.

"Jika modal dibenarkan mengalir keluar masuk sempadan negara secara bebas, pekerja juga perlu dibenarkan berbuat demikian. Jika perkara ini tidak boleh diterima, pengaliran bebas modal juga tidak boleh diterima," kata Perdana Menteri dalam ucapannya pada sesi ke-90 Persidangan Buruh Antarabangsa (ILC) di sini, hari ini.

Ini adalah kali pertama sejak 29 tahun lalu, Perdana Menteri negara ini menyampaikan ucapan pada persidangan itu sebagai tetamu kehormat. Pemimpin terakhir negara yang diberi penghormatan seumpama itu ialah Tun Abdul Razak pada 1973.

Persidangan kali ini disertai 3,000 delegasi termasuk menteri sumber manusia, ketua kesatuan sekerja dan persatuan majikan dari 175 negara anggota Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

ILO adalah agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang mengglobal dan memantau standard buruh antarabangsa.

Dalam ucapan sulungnya itu, Dr Mahathir berkata, globalisasi juga perlu mempunyai dimensi sosial dengan mempertimbangkan keperluan penduduk dan pekerja di negara miskin.

Katanya, pertimbangan itu bukan sekadar memberi pampasan secara adil, malah mengambil kira harga diri mereka. Dr Mahathir berkata beliau mungkin dianggap antiglobalisasi oleh sesetengah pihak.

"Sebenarnya saya tidak menentang globalisasi. Globalisasi adalah satu idea yang baik. Jika diterjemahkan dengan betul, globalisasi boleh menjadi satu cara untuk membetulkan ketidakseimbangan di dalam masyarakat di seluruh dunia," katanya.

Namun, globalisasi kini hanya diterjemahkan untuk bermaksud kebebasan modal untuk bergerak ke mana-mana, merentas dan merentas semula sempadan negara tanpa sebarang batasan.

"Negara miskin diberi jaminan bahawa pengaliran bebas modal adalah baik untuk mereka. Ekonomi akan berkembang, pekerjaan akan diwujudkan dan kekayaan bertambah untuk semua.

"Namun mereka tidak diberitahu apa akan berlaku jika modal mengalir keluar dari sesebuah negara, mengalir keluar secara mendadak.

"Mereka tidak akan mengetahui kesannya sehingga ia berlaku. Ketika itu agak terlalu lambat ke-

rana mereka sudah jatuh miskin dan ramai yang hilang pekerjaan.

"Bagaimanapun, kebebasan pengaliran modal ini masih dijaja sebagai satu-satunya ciri globalisasi (yang perlu diterima semua)," katanya.

Dr Mahathir berkata pandangan seperti itu perlu diteliti sebelum diterima bulat-bulat.

Bagi menjelaskan hujahnya mengenai apa yang akan berlaku jika konsep globalisasi berat sebelah itu dilaksanakan, beliau memberikan senario di mana bank dan badan korporat gergasi bebas bergerak masuk ke sesebuah negara.

"Apa akan berlaku kepada bank dan syarikat kecil tempatan? Agak jelas mereka tidak boleh bersaing dengan gergasi asing ini.

"Gergasi ini boleh menyerap kerugian di satu-satu negara, tetapi syarikat tempatan tidak mungkin boleh terus wujud dalam kerugian. Mereka akan tutup kedai atau perlu menerima hakikat bahawa mereka akan diambil alih oleh gergasi asing ini.

"Sama ada tutup atau diambil alih, kesannya sama saja. Jika diambil alih, mereka akan hanya mempunyai saham yang kecil dalam syarikat gergasi itu dan lambat laun menjualnya dan terpaksa hidup dengan hasil penjualan itu.

"Tidak banyak peluang perniagaan yang terbuka kepada mereka ketika itu, kerana kebanyakannya tidak lagi wajar diceburi ber-

ikutan diancam oleh syarikat gergasi antarabangsa," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata dalam senario itu dunia akan hanya mempunyai jumlah syarikat gergasi yang terhad dalam satu-satu perniagaan dan sesiapa yang mahu pekerjaan perlu bekerja dengan syarikat gergasi berkenaan.

"Kita sering mendengar mengenai *Banana Republics*. Agak tidak munasabah untuk membayangkan pengusaha ladang pisang boleh memanipulasi kerajaan.

"Namun jika sesebuah kerajaan itu hanya bergantung kepada satu sumber hasil atau rasuah saja, *Banana Republic* ini mungkin boleh wujud.

"Apa akan berlaku jika bank dan syarikat asing ini yang jauh lebih besar dan kaya daripada negara yang menjadi tuan rumah mereka, berpendapat negara berkenaan tidak melaksanakan apa yang baik dari segi pandangan mereka?"

"Agak sukar bagi gergasi asing ini untuk tidak memberi tekanan kepada kerajaan. Sudah semestinya mereka tidak akan terjebak dalam memberi rasuah atau tekanan terhadap kerajaan, tetapi siapakah boleh menjamin perkara ini tidak akan berlaku?"

"Dalam apa hal sekalipun, kebebasan yang dinikmati sesebuah negara sekarang tidak boleh dipertahankan lagi. Syarikat asing ini akan mengambil alih," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata

pandangan bahawa pasaran bebas mampu mendisiplin sesebuah kerajaan tidak bermakna usaha berkenaan adalah untuk kebaikan semua rakyat.

Peserta pasaran besar kemungkinan akan mendapat manfaat atas kesengsaraan orang lain.

• "Keutamaan bagi pelopor pasaran bebas ini ialah keuntungan untuk mereka bukan keadilan sosial," kata beliau.

Dr Mahathir berkata globalisasi mesti dirancang secara teliti dengan pem-

libatan semua pihak dari seluruh dunia.

"Ia perlu memberi manfaat kepada semua dan terbukti memberi manfaat kepada semua. Ia perlu dilaksanakan secara perlahan, dengan usaha utama untuk memastikan negara paling kurang membangun mendapat manfaat daripadanya.

"Globalisasi sepatutnya tidak membawa makna kepada perniagaan saja. Ia perlu memberi manfaat kepada setiap lapisan masyarakat di seluruh dunia. Se-

cara demikian hanya globalisasi akan bermakna kepada seluruh dunia," katanya.

Ucapan Dr Mahathir pada persidangan itu mendapat tepukan gemuruh delegasi ILC. Presiden persidangan, Jean-Jacques Elmiger, ketika memberi kata penutup selepas ucapan Perdana Menteri, berkata mesej yang diberi oleh Dr Mahathir dalam ucapannya akan mempengaruhi ILO dalam perbincangan yang akan diadakan mengenai globalisasi.